

THE UNIVERSITY OF CHICAGO PRESS
50 EAST LAKE STREET, CHICAGO, ILLINOIS 60601
TEL: 773-703-7000 FAX: 773-703-7001
WWW.CHICAGO.PRESS.EDU

CHICAGO, ILLINOIS

THE UNIVERSITY OF CHICAGO PRESS
50 EAST LAKE STREET, CHICAGO, ILLINOIS 60601
TEL: 773-703-7000 FAX: 773-703-7001
WWW.CHICAGO.PRESS.EDU

KO
LP
48
FASM
3
2003

2003

14/6/3

1100024939

LP 48 FASM 3 2003



1100024939


Kajian ke atas parasit siliat yang menyerang udang harimau
(Penaeus monodon) ternakan di Kampung Fikri, Terengganu /
Shariah Mohamad.



1100024939

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM) *4N 463*

Pengarang <i>SHARIAH MOHAMAD...</i>		No. Panggilan <i>LP 48</i>	
Judul <i>KAJIAN KE ATAS PARASIT...</i>		<i>FASM 3 2003</i>	
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan



FASM
3

**KAJIAN KE ATAS PARASIT SILIAT YANG MENYERANG UDANG
HARIMAU (*Penaeus monodon*) TERNAKAN DI KAMPUNG FIKRI,
TERENGGANU**

Oleh

SHADIAH MOHAMAD

**Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk
mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Agroteknologi (Akuakultur)**

**FAKULTI AGROTEKNOLOGI DAN SAINS MAKANAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA**

2003

1100024939

Laporan projek ini hendaklah dirujuk sebagai :

Shadiah,M. 2003. Kajian ke atas parasit siliat yang menyerang udang harimau ternakan (*Penaeus monodon*) di Kampung Fikri, Terengganu. Laporan Projek Tahun Akhir, Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia. 59 ms.

ISTIMEWA UNTUK :

Keluarga tersayang, pensyarah-pensyarah yang dihormati serta kawan-kawan yang menceriakan hidup ini. Dorongan dan bantuan anda semua tidak akan saya lupakan.....

PENGHARGAAN

Dengan rasa hormat dan bersyukur kepada Allah s.w.t., saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia projek, Profesor Dr. Faizah Shaharom di atas segala bantuan, tunjuk ajar, nasihat serta pandangan yang telah beliau berikan sepanjang menyiapkan projek ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada En. Mohd Jali bin Sulaiman, pemilik kolam udang harimau di Kampung Fikri, Terengganu yang telah membenarkan kami mengambil udang-udang dan air kolam udang beliau untuk diperiksa.

Terima kasih juga diucapkan kepada Puan Kartini binti Mohamad dan Siti Nurdiana binti Jaafar yang terlibat secara langsung sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada En. Syukri dan En. Wan Awang yang telah membawa kami ke lokasi pengambilan sampel.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pembantu-pembantu makmal kerana bantuan dan kerjasama yang telah mereka berikan sepanjang saya menjalankan pemeriksaan mutu air.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada rakan saya Faizah binti Ismail yang menjalankan kajian bersama-sama saya. Akhir sekali terima kasih kepada kawan-kawan dan semua yang terlibat dalam membantu saya. Semoga kalian berjaya dan direstui Ilahi.

ABSTRAK

Udang harimau ternakan atau nama saintifiknya *Penaeus monodon* yang diperiksa telah diserang oleh parasit dari genus sesilina iaitu *Epistylis sp.*, *Zoothamnium sp.* dan *Vorticella sp.* Serangan parasit ini adalah agak banyak dan mungkin boleh menyebabkan penyakit siliat atau penyakit protozoa insang. Dalam kajian ini, tumpuan hanya diberikan kepada *Epistylis sp.* kerana ia merupakan parasit siliat yang paling merbahaya berbanding *Zoothamnium sp.* atau *Vorticella sp.* Parasit ini ialah ektoparasit kerana ia hanya dijumpai pada bahagian luar badan seperti pada kulit, ekor serta permukaan insang. Daripada analisis mutu air, didapati prevelan parasit *Epistylis sp.* mempunyai hubungkait dengan ammonia dan jumlah pepejal terampai. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa prevelan parasit tidak dipengaruhi oleh faktor mutu air seperti pH, suhu, saliniti serta kandungan oksigen terlarut. Prevelan bagi jangkitan *Epistylis sp.* untuk kolam 1 pada minggu pertama dan kedua ialah 100%, pada minggu ketiga prevelan adalah sebanyak 90%, pada minggu keempat ialah 70%, pada minggu kelima ialah 80% dan pada minggu keenam kajian prevelan *Epistylis sp.* ialah 100%. Bagi kolam 2, prevelan parasit yang sama ialah 80% untuk minggu pertama dan kedua. Pada minggu ketiga prevelan parasit ialah 90%, pada minggu keempat ialah 100%, pada minggu kelima kajian dilakukan prevelan parasit adalah sebanyak 70% dan pada minggu terakhir kajian prevelan parasit ialah 80%. Secara keseluruhannya prevelan parasit untuk kedua-dua kolam tersebut adalah tinggi.